

TERMS AND CONDITIONS
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
INSTALMENT PAYMENT PLAN

The Instalment Payment Plan (IPP) is opened to all Principal cardholders of Bank Muamalat Malaysia Berhad Visa Credit Card-i (“Cardholder”). The Cardholder’s account must be in current status and with sufficient financing limit for the execution of Instalment Payment Plan (“IPP”).

1. The Cardholder may opt for an Instalment Payment Plan (IPP) for up to sixty (60) months, subject to the applicable minimum transaction amount (single receipt) and the eligible tenure specified in the table below:

EON Visa Credit Card-i

Tenor/Month	Minimum Purchase Amount	One Time Profit Charge
6	RM500.00	0% per annum
12	RM1,000.00	
18	RM1,000.00	6% per annum
24		
36		
48		
60		

Pos Malaysia & Amanah Raya Credit Card-i

Tenor/Month	Minimum Purchase Amount	One Time Profit Charge
6	RM500.00	0% per annum
12	RM1,000.00	
18	RM1,000.00	6% per annum
24		

All Other Credit Card-i

Tenor/Month	Minimum Purchase Amount	One Time Profit Charge
6	RM500.00	0% per annum
12	RM1,000.00	
18	RM1,000.00	4% per annum
24	RM1,000.00	

2. IPP is applicable for retail purchases only, with minimum purchase of RM500.00 in a single receipt.
3. Cardholder must specify the transaction / purchase and the instalment tenor of which they intend to convert to IPP.
4. IPP is not applicable for the following transactions:
 - i. Cash withdrawal;
 - ii. Instalment amount payable under other programmes such as Balance Transfer and Easy Payment Plan;
 - iii. Annual fees;
 - iv. Carry forward outstanding balances; and
 - v. Any other charges as provided in the Cardholder Agreement and Terms & conditions.
5. The approval of the conversion application is subjected to: -
 - i. The conversion can be performed by the Principal Cardholder only;
 - ii. The status of the Cardholder's Credit Card-i account;
 - iii. The status of the transactions at the point of instalment payment conversions; and
 - iv. Any other reason that Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB" or "the Bank") shall communicate to the Cardholder.
6. The Cardholder may apply to convert any eligible transaction(s), as described in clauses 2 and 4, into an Instalment Payment Plan within thirty (30) calendar days from the transaction date. Where the transaction has already been posted to the Cardholder's credit card statement, the Instalment Payment Plan (IPP) shall apply only to the specific new transaction selected by the Cardholder. All other transactions, statement balances, fees, charges and outstanding amounts shall remain payable in accordance with the Cardholder Agreement and shall not form part of the Instalment Payment Plan (IPP).
7. The Cardholder must use the following link to apply for IPP:
<https://map.muamalat.com.my/cc-ipp/>
8. Sample calculation of IPP based on example, retail purchase of RM3,600.00 with twenty-four (24) months tenor:

<i>Transaction Amount</i>	RM3,600.00
<i>One-time Profit Charge</i>	4.0% per annum = RM144.00 2 years tenor = RM288.00
<i>Tenor</i>	24 months
<i>Monthly Instalment Payment for 24 months</i>	RM162.00
<i>Illustration to calculate the monthly instalment:</i> <i>[Transaction Amount + Profit] ÷ Tenor in months</i> $= \{RM3,600 + [RM3,600 \times 4.0\% \times (24 \div 12)]\} \div 24$ $= RM3,888 \div 24 = RM162 \text{ per month}$	

9. BMMB will not charge any early settlement fee should cardholders want to settle off their IPP earlier.
10. IPP shall be included in BMMB's credit card-i monthly statement on the approval date of the IPP and every month thereafter until full settlement of the instalments.
11. IPP is treated as a normal retail purchase where twenty (20) days grace period, commences from the point of statement issuance.
12. Cardholders are allowed to participate in more than once in IPP subject to eligibility and all other terms and conditions stated herein. The approval of IPP applications are subject to:
 - i. Good standing of the Cardholder's Credit Card-i account; and
 - ii. Credit Card-i available limit at the time of application including Easy Payment Plan profit charges. Any amount in excess of the credit limit incurred from overpayment, refund of transaction or temporary increase of credit limit (if available) shall not be utilised for IPP.
13. The minimum monthly payment is 5% of the statement balance plus any fixed instalment amount (such as IPP, InstaCash, Easy Payment Plans or any other such plans offered from time to time), any overdue minimum payments, and any outstanding fees and charges (such as Annual Fee and Sales & Service Tax. Refer to the <https://www.muamalat.com.my/fees-charges-home/others/> for the latest list of fees and charges).

14. If the Cardholder opt to pay only the minimum amount of five percent (5%) of the unpaid remaining balance or Ringgit Malaysia fifty (RM50), whichever is higher, instead of the monthly instalment in full, the Cardholder agrees that the Cardholder will be liable to pay profit charge on the outstanding balance.
15. If the cardholder fails to pay the monthly instalment amount in full as stated in monthly statement, the Cardholder will be subject to profit charge on the outstanding balance and the Credit Card-i late payment compensation in accordance with the Terms & Conditions and Cardholder Agreement.
16. Cardholder to email request to feedback@muamalat.com.my or contact Customer Service at 03-2600 5500 if cardholder wish to make a full settlement or cancellation for the IPP amount before the maturing date. Cardholder shall forthwith settle all remaining monthly instalments. Otherwise, the prevailing profit charge shall be calculated based on the principal outstanding balance.
17. IPP conversion amount is part of the total available credit limit for all cardholder's Credit Card-i account(s) and it is towards reducing the available credit limit. The available credit limit will be progressively restored and made available for use by the amount of the principal portion of each IPP monthly payment paid and to the extent that actual payment is received by BMMB.
18. In the event the Credit Card-i is being cancelled or terminated by the Cardholder or BMMB for any reason, the Cardholder is liable to settle in full all of the outstanding balances, including fees and charges which may be imposed by the Bank, in accordance with BMMB Cardholder Agreement and Terms & Conditions. The prevailing profit charge of up to 18% per annum. shall be levied on the outstanding balance and Late Payment Compensation will be imposed if the Cardholder does not settle the amount due.
19. BMMB assumes no liability for any delay, shortage, loss or damage to the notification or any correspondent whether via email or any appropriate communication medium.
20. BMMB is entitled to, at its discretion, disqualify/ reject any application which does not comply with the terms and conditions stated herein and/ or are found or suspected to be tampering with the IPP and/ or its process or the operations.

Tampering shall include fraudulent activities involving any act of deceit and/ or deception and/or cheating.

21. BMMB shall not be liable for any injury or loss of lives and valuable or any other loss or damage whatsoever or however suffered or sustained by any Cardholders arising or resulting, directly or indirectly in whole or part, from their participation in IPP or as a result of any act of omission on the part of BMMB. Furthermore, BMMB shall not be liable for any default of its obligations under the IPP due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BMMB.
22. BMMB reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the cardholders within twenty-one (21) calendar days' notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.
23. Cardholders are advised to access BMMB's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up to date on any changes or variations to the Terms and Conditions thereof.
24. For the avoidance of doubt, the amendment, shortening, cancellation, suspension or termination of IPP by BMMB shall not entitle the Cardholder or any other persons whatsoever to any claim or compensation against BMMB for any losses or damages suffered or incurred as a direct or indirect result of such amendments, shortening, cancellation, suspension or termination unless such losses or damages are attributable by BMMB's gross negligence, fraud or willful misconduct.
25. These terms and conditions are supplementary to the terms and conditions stipulated in the Cardholder Agreement.
26. If there is a discrepancy between the Bahasa Malaysia and English version of the terms and conditions, the English version shall prevail. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and related brochures, marketing and promotional materials, these Terms and Conditions shall prevail.
27. Please read our Personal Data Protection Notice ("Notice") before participating in this IPP. By participating in IPP, Cardholders hereby agree and consent to their

data being collected, processed and used by BMMB in accordance with the Personal Data Protection Act, 2010 and BMMB Privacy Notice, which may be viewed on www.muamalat.com.my for:

- i. The purposes of this IPP; and
- ii. Marketing and promotional activities, that are strictly limited to this IPP only and shall not be used for any general marketing purposes. Any use and/or publication of details provided in connection with this CIP, including entries, interview materials, responses and related photographs, shall be solely for purposes related to this IPP.

Notwithstanding the above, BMMB shall protect the personal data of Cardholders, and the Cardholders may further agree to co-operate and participate in all reasonable advertising and publicity activities of BMMB in relation to IPP without any compensation and/or consideration.

Cardholders may opt out from the above consent statement by contacting BMMB through the contact number and email address provided in this Terms and Conditions.

28. These terms and conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM) and other relevant bodies and authority, in force from time to time.
29. These terms and conditions are subject to all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) and Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing, Anti-Restricted Activity Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA).
30. These terms and conditions are also subject to all prevailing Bank Negara Malaysia's guidelines and directives issued in respect of IFSA and AMLA.
31. All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). BMMB reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction thereof.

32. For information, enquiries, feedback and/or complaints, please contact BMMB's Customer Service at +603-2600 5500. Alternatively, for feedback and/or complaints submissions, please e-mail to feedback@muamalat.com.my.
33. The Terms and Conditions including the discretion rights and/or power given to any parties shall be subject to Shariah principles.

**TERMA DAN SYARAT
BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
PELAN BAYARAN ANSURAN**

Pelan Bayaran Ansuran (IPP) dibuka kepada semua pemegang kad utama Kad Kredit-i Visa Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Pemegang Kad"). Akaun Pemegang Kad mestilah dalam status semasa dan dengan had pembiayaan yang mencukupi untuk pelaksanaan Pelan Bayaran Ansuran ("IPP").

1. Pemegang Kad boleh memilih Pelan Bayaran Ansuran (IPP) sehingga enam puluh (60) bulan, tertakluk kepada jumlah transaksi minimum yang berkenaan (resit tunggal) dan tempoh layak yang ditetapkan dalam jadual di bawah:

Kad Kredit-i EON

Tempoh/Bulan	Jumlah Transaksi Minimum	Kadar Keuntungan (sekali caj)
6	RM500.00	0% setahun
12	RM1,000.00	
18	RM1,000.00	6% setahun
24		
36		
48		
60		

Kad Kredit-i Pos Malaysia & Amanah Raya

Tempoh/Bulan	Jumlah Transaksi Minimum	Kadar Keuntungan (sekali caj)
6	RM500.00	0% setahun
12	RM1,000.00	
18	RM1,000.00	6% setahun

Kad Kredit- yang Lain-Lain

Tempoh/Bulan	Jumlah Transaksi Minimum	Kadar Keuntungan (sekali caj)
6	RM500.00	0% setahun
12	RM1000.00	
18	RM1000.00	4% setahun
24	RM1000.00	

2. IPP hanya untuk pembelian runcit sahaja, dengan pembelian minimum RM500.00 dalam satu resit.
3. Pemegang Kad mestilah menyatakan transaksi / pembelian dan tempoh ansuran yang ingin ditukar kepada IPP.
4. IPP tidak dibenarkan untuk transaksi berikut:
 - i. Pendahuluan tunai;
 - ii. Jumlah ansuran yang perlu dibayar di bawah program lain seperti Pindahan Baki dan Pelan Bayaran Mudah;
 - iii. Yuran tahunan;
 - iv. Baki tertunggak dibawa ke hadapan; dan
 - v. Sebarang caj lain seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pemegang Kad dan Terma & syarat.
5. Kelulusan IPP Pemegang Kad adalah tertakluk kepada: -
 - i. Penukaran boleh dilakukan oleh pemegang kad utama sahaja;
 - ii. Status akaun Kad Kredit-i;
 - iii. Status urus niaga pada titik penukaran pembayaran ansuran; dan
 - iv. Sebarang sebab lain yang akan dimaklumkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB).
6. Pemegang Kad boleh memohon untuk menukar transaksi layak seperti yang diterangkan dalam klausa 2 dan 4, kepada Pelan Bayaran Ansuran (IPP) dalam tempoh tiga puluh (30) hari kalendar daripada tarikh transaksi. Sekiranya transaksi telah dinyatakan dalam penyata kad kredit Pemegang Kad, Pelan Bayaran Ansuran (IPP) hanya akan terpakai pada transaksi baharu tertentu yang dipilih oleh Pemegang Kad. Lain-lain transaksi, baki penyata, yuran, caj dan jumlah tertunggak masih perlu dibayar mengikut Perjanjian Pemegang Kad dan tidak akan menjadi sebahagian daripada Pelan Bayaran Ansuran (IPP).
7. Pemegang Kad hendaklah menggunakan pautan berikut untuk memohon IPP: <https://map.muamalat.com.my/cc-ipp/>.
8. Simulasi pengiraan IPP berdasarkan contoh Pembelian runcit RM3,600.00 dengan tempoh ansuran dua puluh empat (24) bulan:

<i>Jumlah Urus Niaga</i>	<i>RM3,600.00</i>
---------------------------------	--------------------------

<i>Caj Keuntungan Sekali</i>	<i>4.0% setahun = RM144.00</i> <i>Tempoh 2 tahun = RM288.00</i>
<i>Tempoh</i>	<i>24 bulan</i>
<i>Bayaran Ansuran Bulanan untuk 24 bulan</i>	<i>RM162.00</i>
<i>Ilustrasi untuk kiraan ansuran bulanan:</i> $[Jumlah\ Urus\ Niaga + Keuntungan] \div Tempoh\ dalam\ Bulan$ $= \{RM3,600 + [RM3,600 \times 4.0\% \times (24 \div 12)] \div 24\}$ $= RM3,888 \div 24 = RM162\ sebulan$	

9. BMMB tidak akan mengenakan sebarang yuran penyelesaian awal atau membayar balik caj keuntungan sekiranya pemegang kad ingin menjelaskan IPP lebih awal.
10. IPP hendaklah dimasukkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit-i BMMB pada tarikh kelulusan IPP dan setiap bulan selepas itu sehingga penyelesaian penuh ansuran.
11. IPP dianggap sebagai pembelian runcit biasa di mana keuntungan dalam tempoh dua puluh (20) hari dari tarikh didebitkan ke penyata kad adalah percuma .
12. Pemegang Kad dibenarkan untuk mengambil bahagian lebih daripada sekali dalam IPP tertakluk kepada kelayakan dan semua terma dan syarat lain yang dinyatakan di sini. Kelulusan permohonan IPP adalah tertakluk kepada:
 - i. Pengendalian akaun Kad Kredit-i yang baik ; dan
 - ii. Had tersedia Kad Kredit-i pada masa permohonan termasuk caj keuntungan Pelan Bayaran Mudah. Sebarang jumlah yang melebihi had kredit yang ditanggung daripada lebihan pembayaran, pembayaran balik transaksi atau peningkatan sementara had kredit tidak akan digunakan untuk IPP.
13. Jumlah bayaran minimum adalah 5% daripada baki penyata tambah apa-apa jumlah ansuran tetap (seperti IPP, InstaCash, Pelan Bayaran Mudah atau apa-apa pelan yang ditawarkan dari semasa ke semasa), apa-apa jumlah minimum yang tertunggak, dan apa-apa fi dan caj yang belum dibayar (seperti Fi Tahunan dan Cukai Perkhidmatan. Sila rujuk <https://www.muamalat.com.my/fees-charges-home/others/> untuk senarai fi dan caj yang terkini.)

14. Jika Pemegang Kad memilih untuk membayar hanya jumlah minimum lima peratus (5%) daripada baki yang belum dibayar atau Ringgit Malaysia lima puluh (RM50), yang mana lebih tinggi, bukannya ansuran bulanan sepenuhnya, Pemegang Kad bersetuju bahawa Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk membayar caj keuntungan ke atas baki tertunggak.
15. Jika pemegang kad gagal membayar jumlah ansuran bulanan sepenuhnya seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan, Pemegang Kad akan dikenakan caj keuntungan ke atas baki tertunggak dan pembayaran lewat Kad Kredit-i mengikut Terma dan Syarat & Perjanjian Pemegang Kad.
16. Pemegang Kad boleh menghantar permintaan e-mel kepada feedback@muamalat.com.my atau hubungi Khidmat Pelanggan di 03-2600 5500 jika pemegang kad ingin membuat penyelesaian penuh atau pembatalan untuk jumlah IPP sebelum tarikh matang. Pemegang Kad hendaklah segera menjelaskan semua baki ansuran bulanan. Jika tidak, caj keuntungan semasa akan dikira berdasarkan baki tertunggak pokok.
17. Amaun penukaran IPP adalah sebahagian daripada jumlah had kredit yang tersedia untuk semua akaun Kad Kredit-i pemegang kad dan ia bertujuan untuk mengurangkan had kredit yang tersedia. Had kredit yang ada akan dipulihkan secara berperingkat dan disediakan untuk digunakan mengikut jumlah bahagian setiap bayaran bulanan IPP yang dibayar dan setakat pembayaran sebenar diterima oleh BMMB.
18. Sekiranya Kad Kredit-i dibatalkan atau ditamatkan oleh Pemegang Kad atau BMMB atas sebarang sebab, Pemegang Kad bertanggungjawab untuk menjelaskan sepenuhnya semua baki tertunggak, termasuk yuran dan caj yang mungkin dikenakan oleh BMMB, selaras dengan Perjanjian Pemegang Kad Bank Muamalat dan Terma & Syarat. Caj keuntungan lazim sehingga 18% setahun akan dikenakan ke atas baki tertunggak dan caj ganti rugi pembayaran lewat akan dikenakan jika Pemegang Kad tidak menjelaskan jumlah yang perlu dibayar.
19. BMMB tidak bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kekurangan, kehilangan atau kerosakan pada pemberitahuan atau mana-mana koresponden sama ada melalui e-mel atau mana-mana medium komunikasi yang sesuai.

20. BMMB berhak, mengikut budi bicaranya, untuk menolak/ menafikan sebarang permohonan yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/ atau didapati atau disyaki menyeleweng dengan IPP dan/ atau prosesnya atau operasi. Penyelewengan termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang perbuatan penipuan dan/ atau penyelewengan.
21. BMMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa dan harta berharga atau sebarang kerugian atau kerosakan lain apa pun atau bagaimanapun yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana Pemegang Kad yang timbul atau berpunca, secara langsung atau tidak langsung sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada penyertaan mereka dalam IPP atau sebagai hasil daripada sebarang perbuatan pengabaian oleh pihak BMMB. Selain itu, BMMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan memenuhi obligasinya di bawah IPP akibat sebarang kejadian *force majeure* termasuk tetapi tidak terhad kepada perbuatan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BMMB.
22. BMMB berhak untuk menukar mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila dianggap perlu dengan memaklumkan Pemegang Kad dengan memberi notis dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa Terma & Syarat baharu.
23. Pemegang kad disarankan untuk mengakses laman web BMMB dari semasa ke semasa untuk melihat Terma dan Syarat serta memastikan mereka sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau variasi pada Terma dan Syarat tersebut.
24. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pindaan, pemendekan, pembatalan, penangguhan atau penamatan IPP oleh BMMB tidak akan memberi hak kepada Pemegang Kad atau mana-mana individu untuk membuat tuntutan atau mendapatkan pampasan daripada BMMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung akibat pindaan, pemendekan, pembatalan, penangguhan atau penamatan tersebut kecuali sekiranya kerugian atau kerosakan itu adalah akibat kecuaiian besar, penipuan atau salah laku sengaja oleh BMMB.

25. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Pemegang Kad.
26. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi terma dan syarat, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan brosur, bahan pemasaran dan promosi berkaitan, Terma dan Syarat ini akan diutamakan.
27. Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) kami sebelum menyertai IPP ini. Dengan menyertai IPP ini, Pemegang Kad bersetuju dan memberi kebenaran kepada BMMB untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BMMB, yang boleh dirujuk laman sesawang www.muamalat.com.my bagi tujuan berikut:
- Untuk tujuan pelaksanaan IPP; dan
 - Untuk aktiviti pemasaran dan promosi yang terhad kepada IPP ini sahaja dan tidak akan digunakan bagi tujuan pemasaran umum. Sebarang penggunaan dan/atau penerbitan maklumat yang diberikan berkaitan IPP ini, termasuk penyertaan, bahan temubual, maklum balas dan gambar berkaitan, adalah semata-mata bagi tujuan yang berkaitan secara langsung dengan IPP ini.

Walaubagaimanapun, BMMB akan melindungi data peribadi Pemegang Kad, dan Pemegang Kad juga bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah oleh BMMB berkaitan IPP tanpa sebarang bayaran dan/atau pertimbangan.

Pemegang Kad boleh memilih untuk tidak bersetuju dengan pernyataan kebenaran di atas dengan menghubungi BMMB melalui nombor telefon dan alamat emel yang disediakan dalam Terma dan Syarat ini.

28. Terma dan syarat ini tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia, peraturan, dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) serta badan dan pihak berkuasa lain yang berkaitan, berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

29. Terma dan syarat ini tertakluk kepada semua peruntukan lazim Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terlarang dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).
30. Terma dan syarat ini juga tertakluk kepada semua garis panduan dan arahan Bank Negara Malaysia yang lazim yang dikeluarkan berkenaan dengan IFSA dan AMLA.
31. Semua pihak diharapkan memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaannya). BMMB berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan termasuk untuk menamatkan urusan niaganya.
32. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan, sila hubungi Khidmat Pelanggan BMMB di +603-2600 5500. Sebagai alternatif, untuk penghantaran maklum balas dan/atau aduan, sila e-mel ke feedback@muamalat.com.my.
33. Terma dan Syarat termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak adalah tertakluk kepada prinsip Syariah.